

# **"LEBIH BAIK BERCERAI DARI BERMADU": ANALISIS PERCERAIAN DALAM KES-KES PERMOHONAN POLIGAMI DI MAHKAMAH SYARIAH**

**Raihanah Abdullah\***

## **Abstract**

This article examines the inter-relationship between divorce and polygamous marriage amongst the Malays in Malaysia. The article firstly, expounds on the high incidence of divorce amongst the Malays by drawing on the work done by anthropologists and sociologists. Following that polygamous marriage as practiced in Malaysia is deliberated. The link between the applications for entering into polygamous marriage with divorce is examined. Finally, the abuses suffered by wives in polygamous marriages and the laws to protect them are discussed before the article is concluded.

**Keywords:** polygamous marriages, divorce amongst Malays, Islamic law and the protection of women.

## **Pendahuluan**

Dalam beberapa kajian ahli antropologi tentang kekeluargaan Melayu, mereka mendapati bahawa orang-orang Melayu sering bercerai. Fenomena ini telah menarik minat pengkaji-pengkaji untuk mengkaji perkara ini dengan lebih lanjut terutamanya persoalan tentang mengapa berlakunya perceraian sehingga statistik perceraian di sekitar tahun 1940an-1960an umpamanya telah menunjukkan bahawa penceraian di kalangan masyarakat Melayu adalah tinggi. Statistik perceraian bagi tahun 1990-2007 juga telah menunjukkan peratusan penceraian yang semakin meningkat dari tahun ke tahun. Statistik Nikah, Cerai dan Rujuk (NCR) yang dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bagi tempoh 1990 sehingga 2007 telah menunjukkan sebanyak 1799834 perkahwinan telah didaftarkan di seluruh Malaysia. Manakala sebanyak 265375 (14.74%) kes penceraian berlaku dikalangan masyarakat sedangkan hanya 34074 (1.90%) pasangan yang merujuk semula dengan pasangan masing-masing. Keadaan ini menambah minat para pengkaji untuk mengupas persoalan tersebut dengan lebih mendalam. Tidak seperti perkahwinan poligami, perceraian adalah sesuatu perkara yang sering berlaku dikalangan orang-orang Melayu. Kekerapan

---

\* Raihanah Abdullah adalah Profesor Madya di Jabatan Syariah dan Undang-undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

perceraian orang-orang Melayu dapat dilihat dalam kata-kata Swift iaitu “*divorce is just as normal as marriage*”.<sup>1</sup> Bahkan pengkaji-pengkaji ini menggambarkan perkahwinan orang-orang Melayu “*as extremely fragile and unstable*”.<sup>2</sup>

Gambaran insiden perceraian yang tinggi di kalangan orang-orang Melayu ini dapat diperhatikan melalui statistik yang ada. Gordon umpamanya telah mengemukakan statistik perkahwinan dan percerian di kalangan orang-orang Melayu di Tanah Melayu dan Singapura. Kadar perceraian tersebut adalah berbeza antara satu negeri dengan negeri yang lain. Bagaimanapun purata peratusan perceraian di kalangan masyarakat Melayu di antara tahun 1948-1957 adalah 50 peratus. Daripada statistik tersebut, didapati bahawa peratusan perceraian di negeri Johor adalah rendah iaitu 30 peratus, manakala negeri Kelantan menunjukkan peratusan yang agak tinggi iaitu 77 peratus.<sup>3</sup> Selain daripada statistik ini, ahli anthropologi yang lain telah mendapati bahawa kadar perceraian yang tinggi berlaku di negeri Terengganu dan Kedah.<sup>4</sup> Bahkan mengikut kajian Strange, kadar perceraian yang tinggi ini lebih ketara di negeri-negeri di Pantai Timur Semenanjung seperti Kelantan dan Terengganu jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain di Malaysia.<sup>5</sup> Apa yang lebih menarik, pada pandangan Jones bahawa kadar perceraian yang tinggi di Kelantan and Terengganu kemungkinannya adalah yang paling tinggi di dunia.<sup>6</sup>

Pengkaji seperti Djamour yang mengkaji hubungan kekeluargaan (*kindship*) masyarakat Melayu di Singapura pada tahun 1950an telah menyenaraikan beberapa faktor yang pada padangannya sebagai penyebab kepada kadar percerian yang tinggi. Antaranya ialah kerana perceraian telah diiktiraf oleh perundangan manakala masyarakat secara umumnya pula boleh menerima keadaan perceraian. Ini adalah kerana menurut Djamour, perceraian tidak memberi kesan yang besar dan teruk ke atas diri seorang wanita. Ini adalah kerana perkahwinan semula adalah mudah, pasangan yang bercerai mendapat sokongan moral dan mereka masih boleh berhubungan dengan anak-anak.<sup>7</sup> Manakala Strange pula mengaitkan kadar perceraian yang tinggi di negeri-negeri di Pantai Timur Semenanjung Malaysia dan juga Perlis dan Kedah kepada beberapa faktor permodenan. Beliau berpendapat bahawa negeri-negeri ini adalah kurang modern dan kehidupan penduduk Melayunya adalah secara tradisional. Beliau percaya bahawa permodenan dan industrialisasi boleh mengurangkan kadar perceraian.<sup>8</sup> Bagaimanapun jika dilihat dalam beberapa kajian tentang perceraian di negara-negara di dunia, didapati bahawa perindustrian dan permodenan telah membawa kepada kadar perceraian yang tinggi dari tahun ke tahun bagi negara-negara seperti Amerika dan Britain.<sup>9</sup> Kuchiba, Tsubouchi dan Maeda menyatakan terdapat dua faktor utama iaitu prosedur perceraian adalah mudah di dalam Islam dan juga disebabkan struktur kehidupan masyarakat Melayu. Ini dapat dilihat apabila perkahwinan atur (*arranged marriage*) pada usia yang muda adalah merupakan satu norma di kalangan masyarakat Melayu pada ketika itu.<sup>10</sup> Perkahwinan atur terutama di peringkat umur remaja merupakan salah satu punca perceraian.

Walau apa pun faktor yang menyumbang ke arah kadar perceraian yang tinggi di kalangan orang-orang Melayu, Jones cuba mengaitkan fenomena ini dengan amalan poligami. Beliau membuat anggapan bahawa peratusan poligami mungkin tinggi di negeri-negeri di mana sering berlaku perceraian.<sup>11</sup> Bagaimanapun beliau merasakan

bahawa keadaan ini tidak wujud secara menyeluruh. Dalam sesetengah kawasan seperti di Kelantan dan di Sumatera Barat, terdapat hubungkait yang rapat antara perceraian yang tinggi dan kadar poligami yang tinggi. Bagaimanapun keadaan ini tidak berlaku di Jawa Barat dimana kadar perceraian tinggi tetapi perkahwinan poligami adalah rendah.<sup>12</sup>

## Perkahwinan Poligami

Apa jua kadar poligami, perkahwinan poligami merupakan salah satu faktor yang menyumbang ke arah ketidakstabilan rumahtangga yang akhirnya boleh membawa kepada penceraian. Satu kajian yang dijalankan oleh Firth di Kelantan mendapati bahawa walaupun terdapat segelintar keluarga poligami yang hidup secara harmoni, namun dalam banyak kes didapati kehidupan rumahtangga dalam perkahwinan poligami adalah tidak bahagia dan harmoni.<sup>13</sup> Ketidakharmonian dan ketidakselesaan kehidupan berpoligami bukan sahaja digambarkan dalam keluarga Melayu pada pertengahan abad ke-20 tetapi perkara seperti itu juga berlaku sehingga sekarang. Kajian-kajian yang dijalankan umpamanya oleh Strange pada tahun 1970an, Wazir Jahan Karim, Azizah Kassim and Abd Hadi Zakaria disekitar tahun 1980an, Rita Raj Karim dan Roziah Omar disekitar 1990an dan yang agak terkini seperti kajian Zaleha Muhammat, Zaini Nasohah and Haslizawati Hassan pada tahun 2000an mendapati bahawa poligami boleh menyumbang ke arah ketidakstabilan rumahtangga dan juga memberi tekanan, kesusahan dan ketidakselamatan kepada wanita.<sup>14</sup> Mengikut pandangan Strange yang membuat kajian masyarakat di Kampung Rusila, Terengganu mendapati antara sebab mengapa rumahtangga menjadi tidakstabil dan harmoni dalam sesebuah perkahwinan poligami, adalah kerana perkahwinan tersebut telah merubah struktur keluarga yang sedia ada. Perkara ini berlaku kerana suami tersebut menjadi '*a part time member*' dalam keluarganya sendiri. Suami bukan sahaja perlu membahagikan masa antara isteri-isterinya tetapi juga pembahagian dalam hal-hal yang berkaitan dengan kewangan, keprihatinan dan kasih sayang.<sup>15</sup> Dalam banyak kes, suami tidak dapat memberi keadilan yang sewajarnya dan ini menyebabkan isteri yang sedia ada merasa tidak berpuashati dengan keadaan tersebut. Mengikut Abd Hadi Zakaria, dalam 60 kes perceraian yang diteliti pada tahun 1981 di Kelantan, 9 kes daripadanya berpunca dari penyelewengan suami dalam berpoligami. Walaupun peratusannya tidaklah tinggi jika dibandingkan dengan punca-punca yang lain, namun penyelewengan suami dalam hal tanggungjawabnya telah menyebabkan berlakunya perselisihan dan pergaduhan antara suami dan isteri. Kesannya ketidakstabilan rumahtangga berlaku, perasaan tidak puashati, cemburu dan kecwa sehingga menimbulkan perasaan benci dan akhirnya membawa kepada perceraian.<sup>16</sup> Begitu juga dengan kajian yang dijalankan oleh Norlia Zakaria, beliau mendapati bahawa poligami sedikit sebanyak boleh membawa kepada berlakunya perceraian. Pandangan beliau ini disokong melalui satu kaji selidik yang dijalankan yang mendapati sebab-sebab awal berlakunya perceraian iaitu sebanyak 18% responden mengadu suami tidak berlaku adil.<sup>17</sup>

Sementara itu satu kajian yang dijalankan oleh Salleh Ismail dengan meneliti fail-fail percerian bagi tahun 1976-1987 di Pejabat Qadi daerah Kuala Terengganu mendapati bahawa terdapat 11 sebab mengapa berlakunya perceraian.<sup>18</sup>

Daripada 11 sebab berlakunya perceraian didapati bahawa tidak ada persefahaman antara suami isteri di dalam rumah tangga merupakan alasan yang paling banyak. Bagaimanapun alasan ini adalah kurang jelas untuk mengetahui punca ketidaksefahaman antara suami dan isteri. Namun mengikut Salleh ketidaksefahaman antara suami isteri ini adalah apabila berlaku perbalahan atau *shiqaq* antara kedua suami dan isteri. Tidak pula dapat dipastikan samada ketidaksefahaman itu berlaku akibat dari penyelewengan-penyelewengan dalam perkahwinan poligami atau mungkin kerana sebab-sebab yang lain. Manakala faktor perceraian yang lain ialah isteri menderhakai suami, kecuaian suami isteri terhadap rumah tangga, isteri tidak mahu bermadu, campurtangan keluarga, suami tidak mampu menyediakan nafkah, isteri cemburu terhadap suami, isteri curang terhadap suami, suami tidak dapat memberi keadilan apabila beristeri lebih dari seorang, suami dihukum penjara dan suami terlibat dengan dadah. Daripada kajian beliau, sebanyak 112 pasangan atau 6.1 peratus bercerai kerana suami berpoligami dan 7 pasangan atau 0.4 peratus kerana suami tidak dapat memberi keadilan. – Suami tidak mampu memberi nafkah, suami jarang balik ke rumah dan menunaikan tanggungjawabnya adalah 71 pasangan atau 4 peratus.

Manakala dalam kajian yang dijalankan oleh Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan, didapati bahawa poligami tanpa kebenaran Mahkamah merupakan salah satu dari 84 sebab berlakunya perceraian. Perkahwinan poligami tanpa kebenaran mahkamah bermakna seorang suami itu berpoligami tanpa pengetahuan isteri yang sedia ada. Keadaan ini boleh menimbulkan rasa bimbang, kecewa dan tertipu oleh perbuatan suaminya. Keengganan suami untuk memaklumkan kepada isteri yang sedia ada tentang hasratnya untuk berpoligami adalah disebabkan oleh bimbang kekecohan yang bakal ditimbulkan oleh isteri dan anak-anak dan juga enggan atau tidak mampu memikul tanggungjawab keadilan antara isteri-isteri. Pada pandangan Abd Hadi Zakaria, perbuatan suami berpoligami tanpa pengetahuan isteri ini sebenarnya telah menunjukkan sikap tidak bertanggungjawabnya suami tersebut.<sup>19</sup>

Dapatan yang sama juga diperolehi tentang keadaan perkahwinan poligami yang sedikit sebanyak memberi kesan negatif terhadap institusi keluarga. Ini dapat dilihat dalam satu kajian yang dijalankan oleh Haslizawati Hasan ke atas 63 buah keluarga yang berjumlah 189 orang kesemuanya yang terlibat secara langsung dengan perkahwinan poligami di Daerah Kuala Terengganu. Pandangan yang diperolehi dalam kajian ini adalah berdasarkan kepada pengalaman responden sendiri yang hidup dalam keluarga berpoligami. Haslizawati telah menemubual tiga kategori responden iaitu suami yang berpoligami, isteri yang suaminya berpoligami dan anak-anak daripada perkahwinan tersebut. Dalam kajian ini beliau mendapati bahawa pengamal poligami di daerah Kuala Terengganu masih lagi gagal untuk menjalankan tanggungjawab yang sempurna dalam kehidupan rumah tangga sebagaimana yang dikehendaki oleh Syarak. Pendapat beliau ini dilihat dari pelbagai aspek iaitu dari segi tanggungjawab suami, keharmonian dan kestabilan rumah tangga. Beliau juga mendedahkan bahawa banyak masalah timbul dari perkahwinan poligami ini seperti pengamal poligami menghadapi masalah kewangan untuk mentadbir dua buah keluarga disebabkan pendapatan mereka antara RM 500 – RM 1500, masalah

ketidakadilan dalam giliran bermalam dan juga kesan negatif terhadap emosi anak-anak kerana ibu bapa mereka sering bertengkar.

### **Perceraian dalam Kes Permohonan Poligami di Mahkamah Syariah.**

Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia telah memperuntukkan secara terperinci tentang prosedur permohonan poligami. Seseorang suami yang berhasrat untuk berpoligami perlu mendapatkan kebenaran bertulis dari Mahkamah Syariah. Semasa prosiding permohonan poligami, isteri yang sedia ada akan dipanggil untuk memberi keterangan. Kehadiran isteri sedia ada ke Mahkamah bukan untuk memberi keizinan tetapi Mahkamah perlu mendapatkan keterangan daripada isteri tentang hal ehwal suaminya yang ingin berpoligami dari segi kemampuan kewangan suami, keupayaan suami untuk berlaku adil serta pandangannya terhadap hasrat suami tersebut.

Dalam kajian yang dijalankan terhadap kes-kes di Mahkamah Syariah, di dapat bahawa terdapat suami yang mengemukakan permohonan poligami dalam masa tempoh 'iddah isteri. Ini bermakna suami telah menceraikan isterinya terlebih dahulu dan barulah permohonan rasmi untuk berpoligami dikemukakan ke Mahkamah Syariah. Ada kemungkinan perceraian berlaku disebabkan oleh ketidaksefahaman yang berpunca dari hasrat suami untuk berpoligami. Dalam hal seperti ini, Mahkamah akan mengeluarkan perintah supaya suami mengemukakan permohonan perkahwinan monogami setelah tamatnya tempoh 'iddah isteri. Ini bermakna suami tidak perlu kemukakan permohonan poligami sekiranya tempoh 'iddah telah tamat. Terdapat juga kes di mana semasa prosiding permohonan poligami sedang berjalan, isteri memohon kepada Mahkamah Syariah supaya membenarkan perceraian berlaku. Pada pandangan isteri tersebut, perceraian merupakan jalan keluar untuk membebaskan dirinya daripada menjadi salah seorang isteri dalam perkahwinan poligami. Isteri berbuat demikian kerana tidak bersetuju dengan hasrat suaminya untuk berpoligami kerana pada pandangannya perkahwinan tersebut boleh mengganggu kestabilan dan keharmonian rumah tangga.

Rasa kekecewaan dan ketidakselesaan terhadap permohonan poligami dari suami dapat dilihat dalam beberapa pengakuan isteri yang sedia ada semasa prosiding permohonan poligami dijalankan. Dalam seksyen 23 (5) Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 telah memperuntukkan bahawa "Apabila menerima permohonan itu, Mahkamah hendaklah memanggil pemohon, isteri atau isteri-isterinya yang sedia ada, bakal isteri, wali kepada bakal isteri dan mana-mana orang lain yang difikirkan oleh Mahkamah boleh memberi keterangan mengenai perkahwinan yang dicadangkan itu supaya hadir apabila permohonan itu didengar...". Seksyen 23(5) menjelaskan bahawa kehadiran isteri yang sedia ada ke Mahkamah Syariah semasa permohonan poligami adalah suatu prosedur. Walaupun dalam banyak kes, isteri yang sedia memberi kebenaran dan bersetuju dengan hasrat suaminya untuk berpoligami, namun tidak dapat dipastikan samada persetujuannya tiada unsur paksaan. Bagaimanapun terdapat juga rekod dalam fail Mahkamah Syariah yang mencatatkan bahawa isteri menyatakan "Saya terpaksa memberi persetujuan kerana saya tidak tahan dengan perangai suami saya. Suami saya telah berhubungan dengan perempuan tersebut sejak 6 tahun dahulu dan kalau saya tidak bersetuju pun

dia akan tetap berkahwin". Ada pula yang menyatakan "Nak buat macam mana saya terpaksa ikut kehendaknya". Terdapat juga kes-kes di mana isteri menyatakan alasan mengapa dia tidak bersetuju dengan hasrat suaminya untuk berpoligami. Antara alasannya adalah suaminya tidak mampu untuk menanggung keperluan keluarga yang sedia ada.

Dalam beberapa fail Mahkamah Syariah, terdapat gambaran bahawa isteri yang sedia ada enggan untuk hidup bermadu. Umpamanya dalam satu kes di Mahkamah Syariah Alor Setar, isteri yang sedia ada telah meninggalkan rumah kelamin dan pulang ke rumah ibu bapanya di Perlis. Isteri telah menfaikan permohonan perceraian atas alasan berlaku *syiqaq*. Semasa prosiding poligami sedang berjalan, isteri memohon untuk diceraikan jika suaminya ingin juga berpoligami. Suaminya menyatakan bahawa beliau enggan untuk menceraikan isterinya kerana masih menyayangi isteri dan anak-anaknya. Dalam kes ini Mahkamah Syariah Alor Setar telah meluluskan permohonan suaminya untuk berpoligami. Ada juga isteri yang memberi persetujuan terhadap hasrat suaminya untuk berpoligami tetapi mengemukakan syarat agar Mahkamah meluluskan permohonannya untuk bercerai. Isteri mahukan perceraian agar dapat menjalankan kehidupan baru. Bahkan terdapat juga Mahkamah syariah yang meluluskan permohonan isteri untuk bercerai dengan suaminya semasa prosiding poligami sedang berjalan. Kes permohonan poligami telah dibicarakan bersama dengan kes permohonan cerai. Ini bermakna bahawa Mahkamah Syariah telah mengambil kira permohonan kedua-dua pihak bagi menjaga kebaikan masing-masing. Terdapat juga kes di mana isteri telah pengsan semasa prosiding sedang berjalan. Ke semua ini menggambarkan bahawa hasrat suami untuk berpoligami merupakan satu tampanan kepada isteri yang sedia ada. Isteri tidak bersetuju maka pandangan tersebut dapat dilihat dalam beberapa fail kes Mahkamah Syariah. Keengganinan isteri untuk bersetuju atau mereka lebih rela untuk diceraikan bukan bermakna bahawa tindakan mereka itu bertentangan dengan Hukum Syarak sebaliknya mereka dapat menjangkakan keadaan ketidakharmonian hubungan suami isteri kelak.

## **Persepsi Masyarakat**

Senario ketidakstabilan dan ketidak-harmonian rumahtangga akibat poligami dan tekanan perasaan yang dihadapi oleh kaum wanita menyebabkan poligami menerima persepsi yang negatif dikalangan kebanyakan wanita. Dalam *Malaysian Marriage Survey*, didapati 71 peratus wanita Melayu memilih untuk bercerai daripada hidup dalam perkahwinan poligami. Ramai wanita menolak poligami atas dasar suami tidak mampu untuk berlaku adil kepada wanita. Antara yang disebut oleh wanita dalam kajian Roziah Omar adalah seperti berikut: "Saya tidak akan memberi dia persetujuan. Saya akan minta perceraian", ada juga yang memberi pandangan "Saya tidak setuju dengan poligami. Sukar untuk lelaki berlaku adil. Nanti gaduh, hati mana yang senang kalau dia sering ke rumah isteri muda".<sup>20</sup> Kata-kata sebegini menggambarkan wanita tersebut nekad dengan membuat pilihan untuk bercerai. Persepsi yang sama juga dapat dilihat dalam satu kajian di Indonesia di mana 50-90 peratus responden didapati bersetuju dengan kenyataan "lebih baik bercerai dari berkongsi suami".<sup>21</sup> Walaupun didapati ramai yang mengambil sikap untuk bercerai apabila mengetahui hasrat suaminya berpoligami namun terdapat juga sebilangan wanita yang masih boleh

bertolak ansur dalam hal ini. Perceraian dianggap sebagai penyelesaian terakhir setelah segala usaha dibuat agar suami mereka berubah fikiran. Wanita seperti ini didapati menerima suasana suaminya yang berpoligami dan menyatakan keadaan itu sebagai satu takdir.

Dalam satu kajian yang lain pula, Zaleha Muhammat telah cuba mendapatkan pandangan dan komen orang ramai terhadap poligami di negeri-negeri Perlis, Kedah dan Pulau Pinang. Dalam kajian tersebut didapati bahawa purata 44 peratus bagi kaum lelaki dan 56 peratus bagi kaum wanita yang bersetuju dengan kenyataan bahawa kebanyakan suami yang berpoligami lebih mengambil berat terhadap isteri yang baru dikahwininya. Malah kebijakan isteri yang sedia ada dan anak-anak mula diabaikan.<sup>22</sup> Agak menarik juga dalam kajian beliau ini kerana kaum lelaki juga bersetuju mengatakan bahawa poligami menyebabkan keluarga tidak bahagia. Menurut kajian beliau lagi, wanita merasa tidak berpuashati dengan beberapa masalah yang timbul akibat dari poligami. Wanita-wanita ini telah membut aduan ke beberapa buah pejabat Kadi di Negeri Kedah, Perlis dan Pulau Pinang. Antara aduan-aduan yang ada kaitan dengan poligami adalah nafkah sara hidup yang tidak mencukupi setelah berpoligami, giliran bermalam dan hubungan kelamin yang tidak adil, tidak memberi langsung nafkah zahir dan batin, suami tidak mengambil berat tentang kebijakan isteri dan anak-anak, tiada persefahaman dan bergaduh. Daripada aduan-aduan ini didapati punca utama yang menyebabkan timbul masalah dalam perkahwinan poligami adalah pengabaian suami tentang nafkah zahir dan batin.<sup>23</sup>

Dalam satu kajian lain yang dijalankan bagi mendapatkan pandangan dan persepsi wanita tentang poligami didapati bahawa 76 peratus dari 100 orang responden yang telah discoalselidik menyatakan mereka tidak bersedia untuk menerima poligami.<sup>24</sup> Daripada jumlah ini didapati sebanyak 92 peratus berpendapat demikian kerana bimbang suami mereka tidak dapat berlaku adil, 91 peratus menyatakan bahawa mereka sering mendengar cerita bahawa hidup dalam perkahwinan poligami adalah pahit dan tidak mahu dianggap sebagai perampas suami orang. Di samping itu lebih kurang 85-89 peratus menyatakan bahawa mereka bimbang hilang kasih sayang suami dan ayah bagi seorang anak, bergaduh dengan isteri-isteri yang lain. Manakala 63 peratus pula berpendapat bahawa penolakan mereka untuk berpoligami kerana bimbang suami tidak mampu untuk memberi nafkah. Kajian yang dijalankan terhadap 100 responden yang tinggal disekitar Daerah Hulu Langat ini telah memberi gambaran terhadap persepsi wanita secara umum tentang poligami. Ternyata daripada pandangan mereka bahawa perkahwinan poligami diamalkan oleh masyarakat banyak membawa kesan negatif samada terhadap perasaan dirinya, keadaan rumahtangga yang sedia ada dan juga dari segi tanggungjawab suami.

Walaupun responden dalam kajian Zaini Nasohah bukannya terdiri daripada mereka yang<sup>25</sup> terlibat secara langsung dengan perkahwinan poligami, tetapi adalah dipercayai bahawa pandangan mereka tentang wujudnya ketidakstabilan rumahtangga apabila suami berpoligami adalah berdasarkan kepada pengalaman keluarga poligami yang lain dan juga melalui pengamatan mereka sendiri. Perkahwinan poligami sering dipandang serong kerana kebanyakan pengamalnya tidak menunjukkan contoh yang baik. Contoh-contoh negatif dalam masyarakat

selalunya berkaitan dengan ketidakadilan dan penderitaan yang dihadapi oleh isteri dalam perkahwinan poligami.

Dari kajian-kajian yang dijalankan, ternyata bahawa perkahwinan poligami mempunyai kaitan yang rapat dengan ketidakstabilan rumahtangga yang dalam keadaan tertentu akan membawa kepada perceraian. Tidak dinafikan bahawa ada juga perkahwinan poligami yang berkekalan sekalipun suasana rumahtangga tidak seperti dahulu iaitu mesra dan tidak berkonflik. Kerana itu Firth berpendapat bahawa keputusan untuk bercerai itu sebenarnya adalah tertakluk kepada isteri itu sendiri. Sekiranya mereka dapat bersabar dengan apa yang berlaku maka perceraian dapat dielakkan terutamanya untuk menjaga status mereka dalam masyarakat. Tidak semua perkahwinan poligami membawa kepada krisis dan perceraian, kerana terdapat juga keluarga poligami yang bahagia dan tiada krisis dan konflik dalam rumahtangga.<sup>26</sup>

Walaupun terdapat kes-kes yang bahagia dalam perkahwinan poligami, namun aduan-aduan berkaitan dengan penyelewengan dalam perkahwinan tersebut semangkin meningkat dari tahun ketahun. Banyak aduan-aduan diterima oleh Jabatan Agama Islam tentang masalah-masalah rumahtangga dan sebahagian besar masalah tersebut adalah berpunca dari perkawinan poligami. Ini berlaku apabila suami gagal bertanggungjawab sepenuhnya dalam rumahtangga seperti tidak membayar nafkah, mencederakan isteri ataupun tidak pulang ke rumah. Ini bermakna poligami sebagai satu bentuk perkahwinan yang menyumbang ke arah perceraian untuk berlaku dengan lebih senang lagi. Isteri datang ke Mahkamah Syariah atau ke Jabatan Agama Islam Negeri untuk membuat aduan terhadap kegagalan suami untuk bertanggungjawab dalam rumahtangga. Pihak berkuasa akan memberi nasihat dan penerangan tentang beberapa perkara dari segi kekuatan emosi, jati diri, hak-hak mereka dan juga hikmah berpoligami. Bagaimanapun dalam banyak kes mereka akan mengambil keputusan untuk menuntut perceraian di mahkamah apabila masalah mereka tidak dapat ditanggung lagi.<sup>27</sup>

Bagaimanapun Abdul Kadir Muhammad berpendapat bahawa, poligami bukan merupakan sebab utama berlaku krisis keluarga di Malaysia. Beliau berpandangan demikian kerana kadar perkawinan poligami adalah rendah berdasarkan kepada statistik poligami yang dikeluarkan oleh pihak SISMI, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Jadi adalah suatu perkara yang mustahil dengan kadar yang rendah itu poligami boleh menjadi punca utama berlakunya perceraian ataupun krisis rumahtangga. Walaupun poligami boleh dikatakan sebagai bukannya punca utama berlakunya perceraian, namun berdasarkan kepada kajian-kajian yang telah dijalankan perkahwinan poligami merupakan titik permulaan kepada ketidak harmonian, ketidakstabilan dan ketidak mesraan rumahtangga yang telah dibina.

Persepsi negatif terhadap perkahwinan poligami tidaklah terhad kepada masyarakat Melayu sahaja. Dalam masyarakat Afrika umpamanya, perkahwinan poligami juga tidak disenangi oleh kaum wanita. Mengikut kajian yang dijalankan oleh Ware ke atas 6606 wanita Yoruba yang berumur 15-59 mendapati bahawa 60 peratus wanita tersebut merasa senang hati sekiranya suami mereka berkahwin lain, 23 peratus menyatakan kemaharannya dan selebihnya berpendapat bahawa mereka

hanya boleh menerima perkahwinan poligami dengan syarat mereka mengenali bakal madu dan juga mereka memilih sendiri bakal madu mereka. Mereka yang boleh menerima perkahwinan poligami ini kebanyakannya terdiri daripada wanita yang kehidupannya lebih tradisional dan tidak berpendidikan berbanding dengan wanita-wanita yang menerima pendidikan secara moden.<sup>28</sup> Wanita-wanita ini juga ditanya tentang kebaikan dan keburukan perkahwinan poligami. Walaupun ramai dikalangan responden berasa senang hati dengan poligami, namun mereka berpendapat bahawa keburukan poligami lebih besar berbanding dengan kebaikannya. Kajian tersebut mendapati bahawa sebanyak 85 peratus wanita merasakan bahawa perkara buruk yang berlaku dalam perkahwinan poligami adalah apabila wujud perasaan seperti cemburu, benci, suasana yang kucar kacir, persaingan, kekejaman dan juga boleh berlaku pembunuhan. Perasaan cemburu yang wujud di antara isteri-isteri dalam perkahwinan poligami bukanlah berkaitan dengan hubungan seksual tetapi adalah untuk bersaing mendapatkan peluang maksimum ke atas sumber-sumber ekonomi yang terhad.<sup>29</sup> Suasana sebegini tidak dapat tidak boleh menjelaskan kehidupan rumah tangga mereka. Suami menunjukkan sikap menyayangi kepada isteri yang lebih muda dan keadaan ini boleh menjelaskan hubungan suami dengan isteri yang pertama. Sebagaimana responden dalam kajian Meekers and Franklin menyebut:

*"I wouldn't be happy (with a co-wife) since life would change. You know, if a husband has two wives or more there will be no balance in love and in most cases the elder wife is the one disadvantaged. Normally, the junior wife is more favored than the senior wife, that is, the junior wife becomes number one, while the senior wife becomes number two".<sup>30</sup>*

Selain daripada menyatakan keburukan dalam kehidupan rumah tangga poligami, mereka juga memberi pandangan tentang kebaikan yang wujud dalam perkahwinan tersebut. Sebanyak 60 peratus menyatakan bahawa perkahwinan poligami boleh mewujudkan suasana bantu-membantu dan pembahagian sumber tenaga. Ini bermakna, bagi masyarakat Ibadan di Nigeria, perkahwinan poligami boleh sekurang-kurangnya meringankan beban tanggungjawab rumah tangga mereka dari segi ekonomi, tugas-tugas harian dan juga bebanan dari segi keperluan seksual suami mereka.

Walaupun dalam kajian Ware dan Meekers dan Franklin menunjukkan wanita tidak menyokong sepenuhnya poligami, namun sekiranya suami mereka berpoligami mereka akan tetap menerima keadaan tersebut. Tetapi terdapat juga wanita yang mengancam suami mereka dengan perceraian. Dalam hal ini suami tidak akan memohon perceraian kerana *his bride wealth will not be returned if he initiates a divorce without valid reason*. Hakansson menyatakan bahawa ancaman dari wanita untuk bercerai adalah sebagai satu percubaan untuk bercerai dan bukannya bersungguh-sungguh untuk bercerai. Ini adalah kerana wanita terutamanya dalam masyarakat Kaguru, Tanzania akan menghadapi kesukaran selepas diceraikan. Perkahwinan semula adalah sukar dan dalam kebanyakan kes kaum keluarga tidak memberi sokongan sekiranya isteri ingin bercerai dari suaminya.<sup>31</sup>

## Penganiayan Suami terhadap Isteri dalam Perkahwinan Poligami dan Perlindungan Undang-undang untuk Wanita

Menurut perundangan Islam sebarang perlaku penganiayaan suami terhadap isteri adalah merupakan suatu kemudaratian kepada isteri. Dalam hal ini sebuah Hadis berbunyi "*La darara wa La Dirar'* merupakan asas yang penting dalam menolak sebarang kemudaratian ke atas manusia apatah lagi ianya melibatkan hubungan suami dan isteri. Ini bermakna bahawa dalam perkahwinan poligami sekiranya suami berlaku tidak adil maka keadaan itu merupakan suatu perlaku penganiayaan. Dalam keadaan ini Perundangan Islam telah memberi hak kepada isteri yang teraniaya untuk mendapatkan perceraian melalui fasakh, khulu` dan ta`liq.

Di Malaysia, isteri akan menuntut perceraian atas alasan suami tidak menunaikan tanggungjawabnya, suami meninggalkan langsung isteri, suami tidak membayar nafkah dan suami memukul. Mengikut keterangan dari isteri, perbuatan ini berlaku sejurus selepas suami berpoligami dan didapati bahawa 80 peratus perceraian taaliq yang didaftarkan di mahkamah adalah kerana suami meninggalkan isteri lebih dari tiga bulan setelah berkahwin lain.<sup>32</sup> Ini bermakna bahawa telah wujud kemudaratian akibat daripada perkahwinan poligami tersebut. Namun, keadaan suami berpoligami bukan merupakan satu sebab yang sah untuk isteri mendapatkan perceraian disisi Undang-undang.

Dalam lafaz-lafaz taaliq di Malaysia, sebab-sebab yang membenarkan seorang isteri mendapatkan perceraian secara *taaliq* adalah seperti berikut: Apabila suami meninggalkan isteri untuk suatu tempoh melebihi empat bulan, suami meninggalkan sekedudukan dengan isteri selama tempoh empat bulan, suami tidak memberi nafkah, suami melakukan mudarat atau kecederaan kepada isteri, suami meruju' kepada isteri tanpa keredaannya dan berlaku perbalahan antara suami isteri.<sup>33</sup> Tidak ada syarat-syarat berkaitan dengan suami berkahwin lain yang membenarkan isteri menuntut perceraian secara *taaliq*. Mahkamah akan meluluskan tuntutan isteri bukan atas alasan suami berpoligami tetapi lebih kepada perbuatan-perbuatan penganiayaan yang telah dilakukan. Ini bermakna isteri perlu membuktikan penyelewengan-penyelewengan yang telah dilakukan suami akibat daripada perkahwinan poligami, maka barulah isteri berhak untuk mendapatkan perceraian.<sup>34</sup>

Pada pertengahan Mac 2003, tercusus sekali lagi isu tentang poligami. Pada kali ini ia adalah berkaitan dengan kempen monogami.<sup>35</sup> Kempen ini diadakan ekoran daripada tindakan Kerajaan Negeri Perlis yang membenarkan perkahwinan poligami tanpa sebarang sekatan. Dalam kempen tersebut, gabungan tersebut telah mendesak supaya syarat memberi hak kepada isteri yang sedia ada untuk memasukkan syarat-syarat tambahan *in the marriage contract to include the option for divorce in the event the husband decides to take another wife*. Syarat-syarat ini sebagai pilihan kepada mana-mana pasangan yang bersetuju untuk menerima pakai syarat tersebut di dalam surat perakuan nikah mereka. Bagaimanapun cadangan mereka ini ditentang dan kempen mereka juga dikritik sebagai sesuatu yang bertentangan dengan Syarak. Penasihat Agama kepada Perdana Menteri (ketika itu) Tan Sri Abdul Hamid Othman

menegaskan bahawa cerai taaliq tidak boleh dibuat sesuaka hati untuk memenuhi hasrat mereka yang tidak mahu hidup berpoligami. Poligami adalah sesuatu yang diharuskan di dalam Islam. Oleh yang demikian sesuatu yang dibenarkan oleh Syarak tidak boleh ditolak semata-mata kerana mengikut emosi selepas mengambil beberapa contoh kerosakan rumah tangga yang berlaku dalam masyarakat.<sup>36</sup> Begitu juga para Mufti seluruh negeri telah meminta supaya kempen sedemikian dihentikan. Pada pandangan Mufti di Malaysia, kempen monogami adalah bertentangan dengan Hukum Syarak dan boleh menjasakan akidah Umat Islam.<sup>37</sup> Akhirnya kempen monogami telah diselesaikan melalui perbincangan dengan pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Semasa pelancaran kempen monogami tersebut, mereka menjelaskan bahawa kempen tersebut tidak bertujuan untuk menentang apa yang telah disyariatkan oleh Islam. Dan bukan juga untuk melarang sesiapa untuk berpoligami *tetapi to encourage monogamy which will strengthen the family institution.*<sup>38</sup>

Walaupun negara-negara lain telah lama membenarkan isteri memasukkan syarat sedemikian, namun Malaysia masih belum bersedia untuk berbuat demikian. Bahkan menurut Mufti Negeri Sembilan "*What was practiced in other countries need not necessarily be adopted by or be good for the country.*"<sup>39</sup>

Sebenarnya apa yang dicadangkan oleh golongan tersebut tentang memasukkan syarat taaliq tersebut ke dalam surat nikah bagi mereka yang memilih untuk berbuat demikian bukanlah bertujuan untuk menghalang suami dari berpoligami. Pandangan mereka yang menolak idea ini memahami bahawa cadangan yang dikemuakkan adalah untuk melarang suami dari berpoligami. Sedangkan kalau diteliti secara jelas, cadangan mereka itu lebih kepada memberi hak kepada wanita untuk menuntut perceraian secara taaliq apabila suaminya berpoligami. Ini bermakna isteri yang sedia ada tidak melarang suami dari berpoligami cumanya kalau perkahwinan itu berlaku, suami dianggap telah melanggar syarat-syarat dan oleh itu isteri diberi hak untuk mengemukakan tuntutan perceraian.

Syarat-syarat sebegini bagaimanapun tidak dianggap sebagai sesuatu yang bertentangan dengan Syarak kerana ia telah diamalkan di beberapa negara-negara Islam yang lain. Lynn Welchman examines several marriage contracts in Palestine where stipulations against polygamy were included with and without remedies. The most common stipulations with regard to polygamy is the wife stipulates the payment of a substantial sum of money in the eventuality of her acquiring a co-wife. Terdapat juga isteri yang telah diceraikan oleh suaminya dan isteri yang barunya telah menyatakan that should her husband exercise his right to revoke the talaq then she would have the power to divorce herself from him. Kedua-dua contoh tentang syarat-syarat yang ada kaitan dengan poligami ini sama sekali tidak melarang suami untuk berpoligami. Cumanya sekiranya perkahwinan itu berlaku, maka isteri dibayar satu jumlah wang atau berhak untuk menceraikan dirinya. Dalam hal ini, Lucy Carroll telah menjelaskan dengan panjang lebar tentang apakah yang dikatakan sebagai a stipulation which is absolutely void, a stipulation which is merely unenforceable and meaningless and also the stipulation that may be enforced. Pada pandangan beliau enforceable stipulation is when the wife exercises her right to pronounce talaq delegated by her husband should her husband marry another woman while married to her.

Di Arab Saudi, *many women and their families insist that certain conditions be written into the contract to ensure her rights are clearly spelled.* Lazimnya syarat-syarat ini berkaitan dengan kehidupan dan kepentingan harian isteri tersebut.<sup>40</sup> Mereka boleh membuat apa sahaja syarat asalkan syarat-syarat tersebut masih di dalam kerangka Islam. Kegagalan suami untuk mematuhi syarat-syarat tersebut merupakan satu alasan yang sah untuk isteri memohon perceraian sekiranya dia mahu.<sup>41</sup> *With regard to polygamy, the wife may state that if he does take another wife, she can divorce him without consent. The wife can also specify that her husband will have to pay her some sort of compensation in addition to mahr which she automatically takes with her upon divorce.* Menurut Lynn, amalan memasukkan syarat-syarat dalam kontrak perkahwinan menggambarkan keupayaan mereka *to guarantee and protect their own rights in marriage.* Beliau menghujahkan bahawa memandangkan Saudi Arabia tidak ada *codified Islamic Family Law, then the Saudi Arabian women adopt this strategy to overcome some of the limitations which they may have encounter in traditional marriage institution.* Memandangkan Mazhab Hanbali merupakan mazhab ikutan di Saudi Arabia, maka tidak hairanlah mengapa amalan sebegini wujud di Arab Saudi. Amalan meletakkan syarat-syarat ini memberi hak kepada isteri untuk menuntut perceraian apabila suami berpoligami dan ini adalah dalam kerangka Islam walaupun tidak wujud dalam undang-undang tertulis Arab Saudi.

Dalam konteks Malaysia, memasukkan syarat sedemikian adalah dianggap bertentangan dengan Islam. Disebabkan itu, maka ramai wanita tidak mengetahui bahawa mereka boleh membuat syarat-syarat sedemikian demi menjaga kepentingan dan hak-hak mereka.<sup>42</sup> Dalam hal ini Badawi berpendapat bahawa memasukkan syarat seperti itu memberi pilihan yang sewajarnya kepada pihak-pihak yang akan terlibat dengan perkahwinan poligami. Suami membuat pilihan untuk memiliki perkahwinan poligami atau monogami, isteri yang sedia ada memilih samada untuk kekal bersama suami yang akan berpoligami atau bercerai, manakala bakal isteri pula mempunyai pilihan samada untuk berkahwina dengan suami orang atau tidak.

## Kesimpulan

Dalam beberapa kajian yang telah dijalankan, didapati bahawa perkahwinan poligami dalam beberapa keadaan boleh menyumbang ke arah ketidakstabilan hubungan suami isteri. Tidak dinafikan bahawa terdapat segelintir kecil kes-kes pasangan suami isteri hidup bahagia dan harmoni dalam rumahtangga poligami. Ketidakstabilan hubungan suami isteri ini dalam kebanyakan kes akhirnya boleh membawa kepada perceraian. Banyak juga kes di mana perceraian bukan penyelesaian terakhir walaupun konflik telah wujud antara suami dan isteri. Isteri bersabar dalam situasi demikian disebabkan oleh faktor kemasyarakatan seperti stigme masyarakat dan juga keengganan suami untuk menceraikan isteri.

Kritikan dan cemuhan wanita terhadap amalan poligami adalah disebabkan oleh penganiayaan dan tekanan daripada suami yang gagal memahami konsep Surah An-nisa' ayat 3. memetik tulisan Malik Hifni Naseef yang menceritakan betapa kecewa dan menderita kehidupan ahli-ahli keluarga dalam sebuah perkahwinan.<sup>43</sup>

"it (co-wife) is a terrible word-my pen-my pen almost halts in writing it - women's mortal enemy... how many hearts has it broken, how many minds has confused and homes destroyed, how much evil brought and how many innocents sacrificed and prisoners taken for whom it was the origin of personal calamity?...(It is) a terrible word, amuse yourself with your new bride, you cause another's despair to flow in tears... and children whom you taught to sorrow, weep for her tears... You hear the drums and pipes (at a wedding), and they hear only the beat of misery".

Walaupun banyak kajian menunjukkan bahawa poligami dalam banyak kes boleh menjelaskan hubungan suami isteri yang ada pada awalnya bahagia dan harmoni, Penganiayan yang berlaku dalam perkahwinan poligami adalah menjadi punca kepada kritikan terhadap perkahwinan tersebut. Kritikan tersebut bukanlah satu prujudis terhadap hukum Allah; al-Qur'an dalam Surah Al-nisa' ayat 3 menetapkan hukum keharusan berpoligami tetapi apa yang lebih penting iaitu kewajipan sebenar adalah memastikan keadilan dilaksanakan dan penganiayaan tidak berlaku.

Penulis pernah ditegur supaya berhati-hati apabila membicarakan tentang poligami kerana dibimbangi akan menyelewengkan akidah. Sesetengah masyarakat enggan menerima hakikat bahawa perkahwinan poligami sedikit sebanyak boleh merenggangkan hubungan suami isteri.

## RUJUKAN

- Abd Hadi Zakaria. 1985. 'Tinjauan Ringkas Tentang Faktor-faktor Perceraian di Kalangan Pasangan-pasangan Islam di Dalam Jajahan Kota Bharu, Kelantan', dalam Nik Safiah Karim dan Wan Abdul Kadir Yusoff (eds.), *Kelantan dalam Perspektif Socio-Budaya: Satu Kumpulan Esei*. Kuala Lumpur: Department of Malay Studies, Faculty of Arts and Social Sciences, University of Malaya.
- Ahmed, Leila. 1992. *Women and Gender in Islam*. New Haven: Yale University Press.
- al-Islam. Oktober 1998.
- Altman, Irwin and Ginat, Joseph. 1996. *Polygamous Families in Contemporary Society*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Azizah Kassim. 1985. *Wanita dan Masyarakat*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Djamour, Judith. 1965. *Malay Kinship in Singapore*. London: Anthlone Press.
- Eshleman J. Ross. 1991. *The Family, an Introduction*. Boston: Allyn and Bacon.
- Firth, Rosemary. 1966. *Housekeeping Among Malay Peasants*, New York: The Anthlone Press.

- Haslizawati Hassan, 2003. "Amalan Berpoligami dan Kesannya Terhadap Pembangunan Keluarga: Satu Tinjauan di Daerah Kuala Terengganu," Disertasi Sarjana Syariah, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Jones, G.W. 1980. "Trends in Marriage and Divorce in Peninsular Malaysia", *Population Studies*, No.34, 1980
- Jones, G.W. 1994. *Marriage and Divorce in Islamic South-East Asia*, Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Meekers, Dominique and Franklin, Nadra. 1995. "Women's Perceptions of Polygyny Among The Kaguru of Tanzania", *Ethnology*, 1995.
- New Starits Times, 19 March 2003
- Norlia Zakaria. 1989. "Isu-isu sosiologikal dalam Perceraian dan Poligami di Pulau Pinang dan Kedah", dalam Bengkel Undang-undang Syarak dan Sivil: Perkembangan, Pelaksanaan dan Kedudukan Wanita Islam, Dianjurkan oleh KANITA Project, Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia, Persatuan Wanita USM dan Joint Action Committee.
- Raj Karim, Rita & Rashidah Abdullah. 2003. et al, "Reproductive Rights and Reproductive Health: The Malaysian Experience", in Roziah Omar and Azizah Hamzah (eds.), *Women in Malaysia, Breaking Boundaries*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn Bhd.
- Roziah Omar. 1994. *The Malay Woman in the Body, Between Biology and Culture*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Roziah Omar. 1996. "State, Islam and Malay Reproduction", *Working Paper Series, Gender Relations Project*, Australian National University, Canberra, Australia.
- Roziah Omar. 1997. "Wanita Melayu: Satu Penyelidikan Kualitatif Mengenai Kehidupan Wanita sebagai Perempuan, Isteri dan Ibu" in Norazit Selat, Dato' Hashim Awang and Nor Hisham Osman (eds.), *Meniti Zaman: Masyarakat Melayu Antara Tradisi dan Moden*, Kuala Lumpur: Academy of Malay Studies, University of Malaya.
- Salleh Ismail. 2003. *Pembubaran Perkahwinan Mengikut Fiqh dan Undang-undang Keluarga Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Gordon, Shirle. 1964. "Malay Marriage-Divorce in the Eleven States of Malaya and Singapore" *INTISARI* 2, No.2, 1964.
- Strange, Heather. 1981. *Rural Malay Women in Tradition and Transition*, New York: Praeger Publisher.

Swift, M.G. 1958. "A Note on the Durability of Malay Marriage" *MAN*, No.208, 1958.

Swift, M.G. 1963. "Men and Women in Malay Society" dalam Barbara E. Ward (ed.), *Women in the New Asia*, UNESCO.

Tsubouchi, Yoshihiro. 1976. "Islam and Divorce in Malay Peasant Society" dalam Shinichi Ichimura (ed.), *Southeast Asia: Nature, Society and Development. Contribution to Southeast Asian Study*. Honolulu: The University Press of Hawaii.

Utusan Malaysia, 18 March 2003

Wan Makalsum binti Wan Dollah. 1997. "Keadilan dalam Poligami, Satu Kajian Kes di Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur", Kertas Projek, Jabatan Syariah dan Undang-undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya; Kuala Lumpur.

Ware, Helen. 1979. "Polygyny: Women's Views in a Transitional Society, Nigeria", *Journal of Marriage and the Family*, v.41, 1979.

Wazir Jahan Karim. 1992. *Women and Culture: Between Malay Adat and Islam*, Boulder: Westview Press.

Wynn, Lisa. 1996. "Marriage Contracts and Women's Rights in Saudi Arabia" in Homa Hoodfar (ed.), *Shifting Boundaries in Marriage and Divorce in Muslim Communities*, Special Dossier, vol: 1, 1996.

Zaini Nasohah. 2003. "Hubungkait antara Latar Belakang Pendidikan dan Persepsi Wanita Berpendidikan Tinggi Terhadap Amalan Poligami", dalam *Prosiding Seminar Kebangsaan Fiqh Semasa 2003: Menghadapi Cabaran Globalisasi*, Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia: Bangi.

Zaleha Muhammat. 2002. *Analisis Poligami Menurut Perspektif Islam*. Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.

Ziba Mir-Hosseini. 1996. "The Delegated Right to Divorce: Law and Practice in Morocco and Iran", in Lucy Carroll and Harsh Kapoor (eds.), *Talaq Tafwid: The Muslim Woman's Contractual Access to Divorce*. London: Woman Living under Muslim Laws.

## Notes

- <sup>1</sup> Michael Swift, 1963, "Men and Women in Malay Society" dalam Barbara E. Ward (ed.), *Women in the New Asia*, UNESCO, m.s 274.
- <sup>2</sup> Djamour, J., 1959, Malay Kinship, m.s. 132 dan Swift M.G., 1958, " A Note on the Durability of Malay Marriage" *MAN*, No.208, m.s 155.
- <sup>3</sup> Gordon, S., 1964, "Malay Marriage-Divorce in the Eleven States of Malaya and Singapore" *INTISARI* 2, No.2, m.s. 26.
- <sup>4</sup> Rosemary Firth, 1966, *Housekeeping Among Malay Peasants*, The Athlone Press : New York, m.s 35 ; Heather Strange, 1981, *Rural Malay Women In tradition and Transition*, New York: Praeger Publishers, m.s 149 ; Yoshihiro Tsubouchi, 1976, " Islam and Divorce in Malay Peasant" dalam Shinichi Ichimura (ed.), *Southeast Asia : Nature, Society and Development. Contribution to Southeast Asia Study*, The University Press of Hawaii : Honolulu, m.s. 30-31.
- <sup>5</sup>
- <sup>6</sup> Jones, G.W., 1980, "Trends in Marriage and Divorce in Peninsular Malaysia", *Population Studies*, No. 34, m.s. 286.
- <sup>7</sup> Judith Djamour, 1965, *Malay Kinship in Singapore*, Anthlone Press: London, m.s. 139.
- <sup>8</sup> Heather Strange , 1981, *Rural Malay Women in Tradition and Transition*, New York: Praeger Publisher, m.s 149.
- <sup>9</sup> J. Ross Eshleman, 1991, *The Family, an Introduction*, Boston: Allyn and Bacon, m.s. 520.
- <sup>10</sup> Jones, G.w., 1994, *Marriage and Divorce in Islamic South-East Asia*, Oxford University Press: Kuala Lumpur, m.s.215-216.
- <sup>11</sup> Jones, G.w., 1994 *Marriage and Divorce in Islamic South-East Asia*, Oxford University Press: Kuala Lumpur, m.s. 277.
- <sup>12</sup> Jones, G.w., 1994 *Marriage and Divorce in Islamic South-East Asia*, Oxford University Press: Kuala Lumpur, m.s. 277.
- <sup>13</sup> Rosemary Firth, 1966, *Housekeeping Among Malay Peasants*, The Athlone Press: New York, m.s. 56.
- <sup>14</sup> Heather Strange, 1981, *Rural Malay Women in Tradition and Transition*, New York: Praeger Publishers, m.s 149; Wazir Jahan Karim, 1992, *Women and Culture: Between Malay Adat and Islam*, Westview Press: Boulder, m.s. 141; Azizah Kassim, 1985, *Wanita dan Masyarakat*, Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd: Kuala Lumpur, m.s. 183; Abd Hadi Zakaria, 1985, "Tinjauan Ringkas Tentang Faktor-faktor Perceraian di Kalangan Pasangan-pasangan Islam di Dalam Jajahan Kota Bharu, Kelantan", dalam Nik Safiah Karim dan Wan Abdul Kadir Yusoff (ed.), *Kelantan dalam Perspektif Sosio-Budaya: Satu Kumpulan Esei*, Jabatan Pengajian Melayu, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya: Kuala Lumpur, m.s. 251; Rita Raj Karim & Rashidah Abdullah et al, "Reproductive Rights and Reproductive Health: The Malaysian Experience", dalam Roziah Omar and Azizah Hamzah (eds.), *Women in Malaysia, Breaking Boundaries*, Utusan Publications and Distributors Sdn Bhd.: Kuala Lumpur, m.s. 181; Roziah Omar, 1994, *The Malay Woman in the Body, Between Biology and Culture*, Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd.: Kuala Lumpur, m.s. 16; Zaleha Muhammat, 2002, *Analisis Poligami Menurut Perspektif Islam*, Utusan Publications and Distributors Sdn Bhd.: Kuala Lumpur, m.s. 67; Zaini Nasohah, 2003, "Hubungkait antara Latar Belakang Pendidikan dan Persepsi Wanita Berpendidikan Tinggi Terhadap Amalan Poligami", Shofian Ahmad et al, *Prosiding Seminar Kebangsaan Fiqh Semasa 2003: Menghadapi Cabaran Globalisasi*, Department of Syariah, Faculty of Islamic Studies, National University Malaysia: Bangi, m.s. 505 dan Haslizawati Hassan, 2003, *Amalan Berpoligami dan Kesannya Terhadap Pembangunan Keluarga: Satu Tinjauan di Daerah Kuala Terengganu*, Disertasi Sarjana Syariah, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, m.s. 136.

- <sup>15</sup> Heather Strange, 1981, *Rural Malay Women in Tradition and Transition*, New York: Praeger Publishers, m.s. 142.
- <sup>16</sup> Abd Hadi Zakaria, 1985, "Tinjauan Ringkas Tentang Faktor-faktor Perceraian di Kalangan Pasangan-pasangan Islam di Dalam Jajahan Kota Bharu, Kelantan", dlm. Nik Safiah Karim dan Wan Abdul Kadir Yusoff (eds.), *Kelantan dalam Perspektif Sosio-Budaya: Satu Kumpulan Esei*, Jabatan Pengajian Melayu, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya: Kuala Lumpur, m.s. 252.
- <sup>17</sup> Norlia Zakaria, 1989, "Isu-isu sosiologikal dalam Perceraian dan Poligami di Pulau Pinang dan Kedah", dalam *Bengkel Undang-undang Syarak dan Sivil: Perkembangan, Pelaksanaan dan Kedudukan Wanita Islam*, Dianjurkan oleh KANITA Project, Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, University Sains Malaysia, Persatuan Wanita USM dan Joint Action Committee, Penang m.s. 38.
- <sup>18</sup> Salleh Ismail, 2003, *Pembubaran Perkahwinan Mengikut Fiqh dan Undang-undang Keluarga Islam*, Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur, m.s. 181-192.
- <sup>19</sup> Abd Hadi Zakaria, 1985, "Tinjauan Ringkas Tentang Faktor-faktor Perceraian di Kalangan Pasangan-pasangan Islam di Dalam Jajahan Kota Bharu, Kelantan", dalam Nik Safiah Karim dan Wan Abdul Kadir Yusoff (ed.), *Kelantan dalam Perspektif Socio-Budaya: Satu Kumpulan Esei*, Jabatan Pengajian Melayu, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya: Kuala Lumpur, m.s. 251.
- <sup>20</sup> Roziah Omar, 1996, "State, Islam and Malay Reproduction", *Working Paper Series, Gender Relations Project*, Australian National University, Canberra, Australia, m.s 10 dan lihat juga Roziah Omar, 1997, "Wanita Melayu: Satu Penyelidikan Kualitatif Mengenai Kehidupan Wanita sebagai Perempuan, Isteri dan Ibu" dalam Norazit Selat, Dato' Hashim Awang dan Nor Hisham Osman (ed.), *Meniti Zaman: Masyarakat melayu Antara Tradisi dan Moden*, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya: Kuala Lumpur, m.s. 169.
- <sup>21</sup> Perbincangan lengkap tentang pendangan wanita Melayu di Indonesia lihat Jones, G.W., 1994, *Marriage and Divorce in Islamic South-East Asia*, Oxford University Press: Kuala Lumpur, m.s. 210.
- <sup>22</sup> Zaleha Muhammat, 2002, *Analisis Poligami Menurut Perspektif Islam*, Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.: Kuala Lumpur, m.s. 69.
- <sup>23</sup> Zaleha Muhammat, 2002, *Analisis Poligami Menurut Perspektif Islam*, Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.: Kuala Lumpur, m.s. 27.
- <sup>24</sup> Zaini Nasohah, 2003, "Hubungkait antara Latar Belakang Pendidikan dan Persepsi Wanita Berpendidikan Tinggi Terhadap Amalan Poligami", in *Prosiding Seminar Kebangsaan Fiqh Semasa 2003*, Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, m.s. 502-505
- <sup>25</sup> Haslizawati Hassan, 2003, "Amalan Berpoligami dan Kesannya Terhadap Pembangunan Keluarga : Satu Tinjauan di Daerah Kuala Terengganu" Sarjana Syariah, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, m.s. 12.
- <sup>26</sup> Untuk perbincangan tentang kehidupan keluarga poligami dalam masyarakat Barat lihat Irwin Altman and Joseph Ginat, 1996, *Polygamous Families in Contemporary Society*, Cambridge University Press: Cambridge, m.s. 340.
- <sup>27</sup> Temubual dengan Ketua Penolong Pengarah Bahagian Undang-undang Syariah, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan pada 20 Mei 2004 di pejabatnya jam 9.00 pagi.
- <sup>28</sup> Helen Ware, 1979, "Polygyny: Women's Views in a Transitional Society, Nigeria 1975", *Journal of Marriage and the Family*, jilid 41, m.s. 188.
- <sup>29</sup> Helen Ware, 1979, "Polygyny: Women's Views in a Transitional Society, Nigeria 1975", *Journal of Marriage and the Family*, jilid 41, m.s. 190.
- <sup>30</sup> Dominique Meekers and Nadra Franklin, 1995, "Women's Perceptions of Polygyny Among The Kaguru of Tanzania", *Ethnology*, 34(4), m.s. 321.
- <sup>31</sup> Dominique Meekers and Nadra Franklin, 1995, "Women's Perceptions of Polygyny Among The Kaguru of Tanzania", *Ethnology*, 34(4), m.s. 325.

- <sup>32</sup> Wan Makalsum binti Wan Dollah, 1997, *Keadilan dalam poligami, Satu Kajian Kes di Wilayah persekutuan, Kuala Lumpur*, Kertas Projek, Jabatan Syariah dan Undang-undnag, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, m.s. 93.
- <sup>33</sup> Setiap negeri di Malaysia mempunyai lafaz taaliq yang berbeza. Isteri boleh mengemukakan tuntutan cerai taaliq apabila suami melanggar syarat-syarat yang telah dilafazkan selepas akad nikah.
- <sup>34</sup> Wan Maklsum Wan Dollah, 1997, *Keadilan dalam Poligami: Satu Kajian Kes di Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur*, Kertas Projek, Jabatan Syariah dan Undang-undnag, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, m.s. 93-96.
- <sup>35</sup> Kempen telah dilancarkan oleh satu gabungan yang menggelarkan diri mereka sebagai Coalition on Women's Rights. Coalition tersebut terdiri daipada 12 pertubuhan Wanita Bukan Kerajaan iaitu Sisters in Islam, all Women's Action Society, Women's Aid Organization, Wanita IKRAM, Wanita Inovatif Jayadiri (WIJADI), Muslim Youth Movement of Malaysia (ABIM), National Council of Women's Organization, Wanita Perkim Kebangsaan, Polica Families Association, Women's Candidacy Association, Association of Wives of Government Officers (Puspanita) and Persatuan Pekerja Wanita (Perwanis).
- <sup>36</sup> Utusan Malaysia, 18 Mac 2003.
- <sup>37</sup> Ibid.
- <sup>38</sup> New Starits Times, 19 Mac 2003.
- <sup>39</sup> New Straits Times, 21 Januari 2003.
- <sup>40</sup> Antara syarat-syarat nya adalah seperti memberi jaminan bahawa isteri akan terus bekerja atau meneruskan pengajian setelah berkahwin, atau mereka akan tinggal berjauhan dari keluarga mertua masing-masing.
- <sup>41</sup> Lisa Wynn, 1996, "Marriage Contracts and Women's Rights in Saudi Arabia" in Homa Hoodfar (ed.) *Shifting Boundaries in Marriage and Divorce in Muslim Communities*, Special Dossier, vol: 1, m.s. 116.
- <sup>42</sup> Kejahilan wanita tentang hal ini bukan sahaja di Malaysia, tetapi Ziba Mir-Hosseini ada menyebut dalam penulisannya bahawa wanita di Iran dan Morocco juga tidak tahu tentang hal ini. Lihat Ziba Mir-Hosseini, (1996), "The Delegated Right to Divorce: Law and Practice in Morocco and Iran", in Lucy Carroll and Harsh Kapoor (eds.), *Talaq Tafwid: The Muslim Woman's Contractual Access to Divorce*, Woman Living Under Muslim Law: London, m.s. 124.
- <sup>43</sup> Dipetik daripada Ahmad, Leila., 1992, *Women and Gender in Islam*, m.s. 182.